



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
17 Januari 2018**

### **PNB SERAH SUMBANGAN ZAKAT KEPADA PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI KPM *Untuk Bantu Ringan Beban Kemasukan ke Universiti Kelak***

**PUTRAJAYA:-** Menteri Pendidikan, YB Dato' Seri Mahdzir Khalid hari ini menerima sumbangan zakat Permodalan Nasional Berhad (PNB) kepada pelajar Program Matrikulasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sumbangan berjumlah RM700,000/- disampaikan kepada YB Menteri oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Program sumbangan zakat ini melibatkan 1,100 pelajar dan terbahagi kepada dua kategori iaitu sumbangan zakat berjumlah RM1,000 setiap seorang kepada 300 pelajar cemerlang yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.50 mata dari keluarga berpendapatan 40% terendah (B40), manakala kategori kedua melibatkan 800 pelajar dari keluarga B40 yang akan menerima sumbangan zakat berjumlah RM500 setiap seorang.

Tan Sri Wahid berkata, "Adalah diharapkan sumbangan wang zakat ini dapat mendorong para pelajar meningkatkan prestasi akademik, di samping membantu meringankan beban pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat universiti pada bulan September nanti. Seperti yang semua maklum, untuk memulakan pengajian kita juga memerlukan kewangan bagi tujuan membeli barangan keperluan, tambang pengangkutan, yuran pendaftaran dan sebagainya."

Sumbangan zakat ini akan diagihkan kepada pelajar-pelajar matrikulasi terpilih di seluruh negara dalam majlis yang berasingan, bermula dengan Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan di Kuala Pilah pada 26 Januari 2018, dan seterusnya di empat lokasi yang lain.

- Tamat -

#### **Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia yang turut memiliki syarikat pengurusan unit amanah iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Amanah Mutual Berhad (AMB). PNB mempunyai aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM276.5 bilion setakat November 2017 berbanding hanya 3.5 bilion pada tahun 1981. Menerusi Pelan Strategik STRIVE-15 2017-2022, PNB yang diterajui oleh pimpinan baharu memacu ke hadapan untuk mengekalkan prestasinya dalam tempoh lima tahun yang akan datang dan seterusnya mencapai visi sebagai sebuah **Institusi Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia**. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**